

klik
dengan
bijak

Panduan Keselamatan Melayari Internet





Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

- Ditubuhkan pada 1 November 1998 dengan pelaksanaan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.
- Berperanan untuk melaksana dan mempromosi dasar dan undang-undang komunikasi dan multimedia di Malaysia selaras dengan Akta tersebut.
- Bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pos dan pensijilan digital.

Industri komunikasi dan multimedia penting sebagai pemangkin bangsa dan negara:

- Ia menjana pelaburan dan pendapatan;
- Ia melibatkan penghasilan produk dan pemberian perkhidmatan;
- Ia membentuk suasana persaingan yang kompetitif.

Tahukah Anda?

Apa itu Jalur Lebar?

Istilah 'Jalur Lebar' adalah daripada istilah 'lebar jalur yang luas'. Ia merujuk kepada keupayaan capaian Internet yang tinggi dan laju berbanding dengan capaian dailan tradisi.



KEPENTINGAN JALUR LEBAR

Kenapa Jalur Lebar Penting?

Jalur Lebar mampu meningkatkan taraf hidup kita melalui pelbagai cara dengan membolehkan capaian kepada sumber-sumber maklumat, perkhidmatan dan produk.

Pendidikan dan Budaya

Halangan kewangan dan batasan geografi bukan lagi satu masalah, malah pendidikan kebudayaan dan pengetahuan ICT dapat dicapai oleh kumpulan-kumpulan yang kurang berkemampuan dan terpencil.

Telekesihatan dan Teleperubatan

Kemudahan perubatan melalui diagnosis jarak jauh, rawatan, pengawasan dan rundingan bersama pakar-pakar perubatan dapat disediakan walaupun di kawasan-kawasan terpencil.

Perkhidmatan Komunikasi untuk Orang Kelainan Upaya

Perkhidmatan telekomunikasi turut dapat dinikmati oleh mereka yang kelainan upaya melalui perantaraan video dan lain-lain kemudahan.

Keselamatan Awam dan Keselamatan Dalam Negeri

Membantu melindungi orang awam dengan memudahkan dan mempromosi tatacara dan maklumat keselamatan awam termasuk:

- Sistem-sistem amaran awal/pemberitahuan awam dan program-program persediaan bencana.
- Pemantauan keselamatan jarak jauh dan pemeriksaan latar belakang bagi tujuan keselamatan dalam masa nyata.
- Sistem-sistem sokongan untuk rangkaian komunikasi keselamatan awam.

Perkhidmatan Komunikasi Jalur Lebar

Capaian kepada teknologi-teknologi telekomunikasi baru seperti Suara Melalui Protokol Internet (VOIP) di mana komunikasi suara dibawa melalui Internet.

e-Kerajaan

Kerajaan elektronik memudahkan urusan antara orang ramai dan agensi-agensi kerajaan dan memberi maklumat mengenai polisi, tatacara, bantuan dan program kerajaan.



Jika Anda Seorang Pelajar, Anda Tentu Hebat Dalam Penggunaan INTERNET!

Buku panduan ini diterbitkan bagi mendidik anda menggunakan Internet dengan bijak dan selamat.

Internet Dalam Kehidupan



Informasi



Emel



Permainan
Atas Talian



Rangkaian
Sosial



Menonton/memuat-naik
& Muat-turun Video, Filem
Dan Lagu



Laman
Sembang

Internet

Melayari Internet tentunya membuatkan anda berasa gembira dan seronok, terutama sekali apabila dapat berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga melalui pelbagai kemudahan seperti laman sembang, permainan dalam talian, blog dan sebagainya.

Bagaimanakah Cara Untuk Anda Mendapat Keseronokan Melayari Internet Dengan Selamat?

- Gunakan Internet secara positif untuk:
 - Mencari pelbagai informasi terkini;
 - Mendapatkan bahan-bahan pembelajaran;
 - Bertukar-tukar pendapat tentang pelbagai topik;
 - Berkomunikasi secara global; dan
 - Memperluaskan pengetahuan anda.
- Berhati-hati dengan maklumat yang dikongsikan di Internet, kerana ia boleh mengundang masalah jika anda leka.
- Ambil berat tentang langkah-langkah keselamatan yang telah anda pelajari dan amalkannya. Sesungguhnya, mencegah lebih baik daripada mengubati!



Tahukah Anda?

Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni

Kempen ini merupakan usaha Kerajaan menghasilkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tingkahlaku dan perbuatan berteraskan prinsip-prinsip Rukun Negara terutamanya prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

Antara nilai-nilai murni untuk amalan rakyat Malaysia:

- Hormat-menghormati
- Bertanggungjawab
- Amanah
- Prihatin
- Bertimbangrasa
- Toleransi
- Jujur
- Muafakat
- Beretika
- Bersatu padu

Budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni amat penting dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Masyarakat yang harmoni, berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni dapat melahirkan satu bangsa Malaysia yang budiman.



Laman Sembang

Melalui laman sembang, anda boleh:

- berkomunikasi dengan rakan lama;
- bertemu dengan rakan baru;
- berinteraksi dengan beberapa orang rakan pada masa yang sama; dan
- berbual dengan kemudahan kamera web (webcam) untuk berkongsi pendapat dan bertukar pandangan antara satu sama lain.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk anda berkomunikasi bersama rakan-rakan anda secara langsung seperti Skype, Yahoo Messenger dan MSN Messenger.

Peringatan ⚠️

Apabila anda sedang berbual secara dalam talian (online):

- A. Jangan berikan apa-apa maklumat peribadi mengenai diri anda, seperti nama penuh anda, nombor telefon peribadi, alamat rumah atau sekolah. Bagaimanapun, mungkin tidak menjadi masalah sekiranya anda memberitahu mereka negeri atau bandar di mana anda tinggal.
 - ✓ Jadi, jika seseorang bertanya perkara-perkara seperti itu, cubalah untuk tidak menjawabnya. Kami tahu anda BIJAK!
- B. Elakkan dari mengatur pertemuan dengan kenalan yang baru ditemui di Internet.
 - ✓ Jika ada yang mengajak anda berjumpa, minta pendapat orang dewasa yang boleh dipercayai.
 - ✓ Jangan berjumpa berseorangan. Bawa bersama rakan-rakan anda, abang atau kakak, dan pastikan anda berjumpa di tempat awam.
- C. Jika ada orang yang tidak dikenali ingin menjadi rakan anda, pastikan anda pertimbangkannya dengan sebaik-baiknya atau abaikan sahaja permintaan mereka!
 - ✓ Jika anda telah menerima mereka sebagai rakan tetapi tidak mahu berkomunikasi lagi dengan mereka, anda boleh mengeluarkan mereka daripada senarai rakan anda.
- D. Hindari dari menunjukkan gambar anda. Dalam dunia siber

ini, seseorang yang berniat jahat boleh menjejaki anda walaupun hanya melalui gambar.

- ✓ Anda juga boleh pilih mana-mana gambar yang tidak menyerupai diri anda, seperti gambar 'Avatar' (kartun yang menyerupai rupa anda), pemandangan ataupun gambar haiwan kegemaran anda.
 - ✓ Jangan sesekali meletakkan gambar anda yang kurang sopan di dalam talian. Ia mungkin disebar oleh pihak lain dan anda tidak boleh mengeluarkan semua salinan yang ada di Internet.
- E. Jangan mudah terpedaya dengan gambar yang cantik.
 - ✓ Ramai yang telah menjadi mangsa penipuan identiti.
 - ✓ Seseorang yang berniat jahat akan melakukan apa



sahaja untuk menarik minat dan memperdayakan anda dengan menggunakan gambar palsu sebagai umpan.

Ramai orang menggunakan kamera web apabila mereka berbual melalui laman sembang.

- ✓ Ini adalah cara interaktif untuk melihat rakan-rakan dan keluarga anda ketika berinteraksi dengan mereka.
- ✓ Gambar atau video dari kamera web boleh dirakam dan disimpan, malah boleh dikongsi bersama orang lain.
- ✓ Berhati-hati dengan segala perbuatan anda di hadapan kamera web.
- ✓ Harus diingatkan bahawa kamera web juga boleh merakam (record) semasa menggunakannya secara sedar atau tidak sedar. Jadi, berhati-hatilah menggunakan kamera web apabila berkomunikasi dengan orang yang anda tidak kenal di dunia realiti.
- ✓ Jangan lupa menutup selepas menggunakannya!




Tahukah Anda?

Cara-cara menjadikan kata laluan anda lebih selamat.

Kunci untuk kata laluan yang lebih selamat adalah **panjang** dan **susah** tetapi mudah diingati.

- Gunakan huruf, tanda baca, simbol ataupun nombor sebagai kata laluan anda.
- Pelbagaikan kata laluan anda.
- Gunakan keseluruhan papan kekunci anda untuk menghasilkan kata laluan yang lebih kuat.
- Gabungkan perkataan dan frasa-frasa menarik untuk mencipta kata laluan untuk akaun anda.
- Gunakan perkataan pengganti dan nombor dengan huruf. Contoh: m@t@h@h@ri,r3s3t.



E-mel

E-mel kini adalah satu kemudahan komunikasi yang digunakan oleh semua orang.

- Terdapat pelbagai jenis e-mel yang boleh digunakan antaranya Yahoosmail, Gmail, Hotmail, 1Malaysia (myemail) dan lain-lain.
- Anda boleh menghantar e-mel kepada ramai penerima pada masa yang sama, dan juga kepada sesiapa sahaja di seluruh dunia, selagi anda tahu alamat e-mel mereka.
- Anda juga boleh menghantar gambar, lagu dan rakaman video melalui e-mel.



Peringatan ⚠️

Kadangkala anda menerima e-mel daripada seseorang yang anda tidak kenali.

Daniel menerima e-mel daripada orang yang tidak dikenali, dan dia telah melakukan perkara yang betul dengan tidak membalas mesej tersebut, seterusnya membuang mesej itu dengan menekan butang 'padam' (delete).

E-mel seperti inilah yang dipanggil 'spam'. Ramai juga yang menghantar virus dan gambar tidak senonoh melalui e-mel.

- ✓ Ingat! Jika anda menerima e-mel dari orang yang anda tidak kenali, jangan membukanya. Ia mungkin mengandungi virus yang merosakkan komputer anda.



- ✓ Pastikan anda sentiasa mengemaskini peti masuk (inbox) anda dengan memadam mana-mana e-mel daripada orang yang tidak dikenali atau yang tidak lagi diperlukan.
- ✓ Jangan sesekali memberi maklumat peribadi anda seperti nama penuh, nombor akaun bank, alamat rumah atau sekolah kepada mereka yang hanya berkomunikasi dengan anda melalui e-mel atau yang tidak anda kenali.
- ✓ Ia bukan idea yang baik untuk menghantar gambar anda kepada orang yang dijumpai di Internet, tanpa mengetahui siapa sebenarnya mereka di luar. Mereka mungkin berniat mengambil kesempatan ke atas anda, dan anda semestinya tidak mahu orang yang tidak anda kenali memiliki gambar anda.

Bertanggungjawab dengan apa yang anda tulis, dan jangan sesekali menulis ayat yang mungkin menyakitkan dan mengguris perasaan pembaca.

Jika anda menerima mesej yang menyakitkan hati, berunsur fitnah, jelik dan seumpamanya, sudah pasti anda akan marah! Begitu juga mereka, kerana mereka juga manusia seperti anda, punya hati dan perasaan.



Tahukah Anda?

Etika Menulis E-mel

Penulisan e-mel mempunyai etika tersendiri. Kita perlu mengetahui cara menulis yang betul agar etika penulisan kita dihormati oleh orang lain.



1. Amalkan penggunaan bahasa yang baik

- Elakkan menggunakan bahasa singkatan atau bahasa SMS dalam penulisan rasmi seperti **soyer**, **yg**, **sdg**, **akn**, **ambl** dan sebagainya kerana ianya merosakkan bahasa.
- Gunakan bahasa yang baik dan betul apabila berkomunikasi kerana 'yang indah itu bahasa'.

2. Elakkan penggunaan huruf besar dan menebalkan perkataan

- Penggunaan huruf besar dan tebal menggambarkan seolah-olah anda meninggikan suara dan memberi arahan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu. Ini akan memberikan persepsi negatif oleh penerima terhadap diri kita.



- Anda dinasihat menggunakan huruf kecil dalam e-mel.

3. Jangan merahkan tulisan

- Tulisan merah menunjukkan yang anda marah dan tidak suka kepada penerima e-mel. Elakkan tulisan berwarna merah dan sebaiknya gunakan warna hitam atau biru gelap.

4. Periksa ejaan

- Setiap kali sebelum menghantar e-mel, kenal pasti kesalahan ejaan dan pastikan maklumat yang ingin dihantar adalah tepat.



5. Pilihan tetapan 'font'

- Pilihlah jenis dan saiz 'font' yang kemas dan mudah dibaca contohnya Times New Roman, Arial dan Verdana.
- Saiz 'font' juga jangan terlalu besar atau terlalu kecil. Jika terlalu kecil, ianya akan menyusahkan pembaca e-mel tersebut dan sekiranya ianya terlalu besar, pembaca akan merasa seolah-olah kita memarahi mereka.



6. Koma, noktah, tanda seru!!

- Letaklah tanda-tanda **,** **.** **"** **"** **?** dan seumpamanya seperti **! - ^ * / ; ' :** ditempat yang diperlukan sahaja.

Peringatan ⚠️

Laman sosial adalah laman di dalam talian! Jadi, segala maklumat yang anda paparkan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja.

Jikalau anda mempamerkan TERLALU BANYAK maklumat tentang diri anda, ia akan menjadi LEBIH MUDAH untuk sesiapa mencari anda. Oleh itu;

Cuba untuk TIDAK mempamerkan maklumat peribadi anda.

- ✓ Nama samaran adalah lebih baik daripada nama penuh
 - Jika mereka benar-benar rakan anda, sudah pasti mereka boleh mengenali anda, betul?



- ✓ Fikir dahulu sebelum meletakkan apa-apa gambar atau kandungan yang ingin dikongsi bersama rakan-rakan maya anda.
- ✓ Ubahsui tetapan akaun anda di ruang (Privacy Settings) atau (Account Settings) bagi menghindar orang yang tidak dikenali daripada melihat halaman profil, gambar mahupun video yang anda telah muat naik.
- ✓ Laporkan kepada pihak pentadbir laman sosial berkenaan sekiranya anda terjumpa kandungan yang pelik atau anda menjadi mangsa pemalsuan profil di laman sosial mahupun diganggu oleh orang yang tidak dikenali.



Buli Siber

Buli siber adalah satu cara menggunakan e-mel, laman sembang, laman web dan alat komunikasi yang lain untuk:

- Menghantar mesej yang berniat tidak baik;
- Mengeji, memalukan dan memfitnah seseorang;
- Membuat ugutan;
- Menyebarkan gambar yang menjatuhkan maruah seseorang; dan
- Gangguan seksual.

Boleh berlaku kepada semua orang, termasuk guru, pelajar, orang ternama, ahli politik dan artis.



Contohnya;

Aliaa (bukan nama sebenar) telah mengadu yang seorang kawannya telah memuat naik sebuah videonya ke dalam laman video Youtube. Terdapat beberapa kawan sekolahnya yang lain telah menulis beberapa komen negatif mengenai pakaiannya dan menggelarnya seorang yang pelik. Dia sangat terganggu dan tidak mahu ke sekolah kerana kejadian itu.

Layanlah orang lain seperti anda mahu diri anda dilayan!

Tahukah Anda?

Tahukan anda apa ertinya akronim Bahasa Inggeris yang popular digunakan di laman sembang dan untuk Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)? Padankan akronim di bawah kepada maknanya.

B4U ●	●	Face to Face
GTG ●	●	As soon as possible
ZZZ ●	●	Before you
CU ●	●	Best friend forever
BTW ●	●	See You
F2F ●	●	Got to go
TQVM ●	●	Laugh out loud
BRB ●	●	Hugs and kisses
ASAP ●	●	Sleepy, boring
LOL ●	●	Be right back
BFF ●	●	By the way
XOXO ●	●	Thank you very much



Blog

Blog ialah laman yang diuruskan oleh sesebuah organisasi mahupun individu. Blog boleh diibaratkan sebagai jurnal harian atau diari bagi berkongsi pengalaman, gambar atau video. Pembaca juga berpeluang untuk meninggalkan komen pada artikel-artikel yang dikongsi.

Di dalam keseronokan anda menulis blog, anda dinasihatkan supaya berhati-hati. Pastikan apa yang anda tulis tidak menghina orang lain, tidak berbaur fitnah mahupun perkauman.



Peringatan

- 1) Fikir dahulu sebelum bertindak! Blog adalah tempat di mana sesiapa pun boleh membaca apa yang dikongsi. Jadi, jangan terlalu mengikut perasaan ketika menulis dan pilihlah bahan penulisan yang sesuai dengan pembaca-pembaca anda.
- 2) Pastikan anda menulis berdasarkan sumber-sumber yang sahih sahaja. Jangan sebarkan maklumat tanpa sumber yang dipercayai.
- 3) Bertanggungjawab dengan apa yang anda tulis, dan jangan sesekali mengeluarkan ayat yang mungkin menyakitkan dan mengguris perasaan pembaca. Hormati pendapat orang lain.
- 4) Laporkan dan adukan kepada moderator/pemilik blog jika anda mengesyaki terdapat mana-mana kandungan berunsur ancaman, fitnah, dan sebagainya dipamerkan di dalam sebuah blog.



Tahukah Anda?

Tahukan anda apa makna singkatan kata dan emotikon di bawah yang popular digunakan di laman sembang dan untuk Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)? Padankan singkatan kata dan emotikon di bawah kepada maknanya.

JLN	●	● Tidak berminat
:-p	●	● Sebab
-_-	●	● Makan
:(●	● Sayang
SLMT	●	● Gembira
:-x	●	● Bibir terkunci
SYG, YANG	●	● Selamat
MKN	●	● Amat sedih
BLH	●	● Jelir lidah
BLM	●	● Jalan
:-)	●	● Belum
SBB	●	● Boleh



Pencabulan Hak Cipta


Hak cipta ialah satu perlindungan undang-undang yang diberikan kepada karya-karya ekspresi kreatif.


- Pemilik hak cipta karya mempunyai hak eksklusif terhadap karyanya.
- Kandungan-kandungan yang dilindungi adalah sebarang produk atau hasil karya yang didaftarkan hak ciptanya seperti buku, filem, siaran televisyen dan radio, perisian komputer serta rekabentuk industri.
- Tahukah anda bahawa pencabulan hak cipta merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987?

Contoh-contoh jenayah pencabulan hak cipta:

- Menerbitkan semula sebahagian atau kesemua hasil karya milik orang lain tanpa izin.
- Membuat salinan kepada pelbagai bentuk seperti mengambil gambar, membuat salinan secara elektronik atau komputer, fotostat, rakaman video, rakaman suara, menaip semula dan mengubah kepada format lain dan sebagainya.
- Menyalin kandungan bahan dan dijual semula dengan tajuk yang berbeza.
- Mengeluarkan bahan atau perkakas yang menggunakan idea yang sama, dimana idea tersebut telah dihakcipta.

Jadi, jangan pandang remeh soal pencabulan hak cipta!





Undang-Undang Negara

Secara amnya semua undang-undang di Malaysia adalah diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan. Justeru, kandungan Internet adalah tertakluk di bawah peruntukan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Hakcipta 1987, Akta Jualan Langsung 1993, Akta Syarikat 1965, Akta Bank dan Institusi Kewangan Malaysia 1989, Akta Industri Sekuriti 1983 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Peringatan ⚠️

Contoh-contoh kesalahan yang dilakukan melalui media siber:

- Memupuk rasa benci terhadap DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan Kerajaan Malaysia.
- Menyebarkan maklumat yang boleh menggugat keselamatan negara.
- Menghina mana-mana agama.
- Mengapi-apikan sentimen perkauman.
- Penyebaran agama Islam yang sesat atau ideologi yang bertentangan dengan prinsip-prinsip negara.
- Aktiviti penipuan yang melibatkan laman web perbankan dan pelaburan palsu.
- Menulis kandungan yang mengugut, mengganggu, serta menyakitkan hati orang lain.
- Memfitnah seseorang dengan tujuan menjatuhkan maruah, imej, dan nama baik orang tersebut di mata masyarakat.
- Penyebaran kandungan lucah dan sumbang.

Uji sama ada adik Bijak menggunakan Internet



1. Saya tahu tentang bahaya di Internet dan sentiasa berwaspada.
YA TIDAK
2. Saya meminta kebenaran ibu bapa saya sebelum memberikan maklumat peribadi (nama, nombor telefon, alamat rumah, alamat e-mel, nama sekolah dan lain-lain) di Internet.
YA TIDAK
3. Saya mendapat kebenaran atau memberitahu ibu bapa saya mengenai laman-laman web yang saya layari.
YA TIDAK
4. Saya merahsiakan kata laluan saya dan menukarkannya dari semasa ke semasa.
YA TIDAK
5. Kata laluan yang saya gunakan mengandungi huruf, tanda baca, simbol dan nombor.
YA TIDAK
6. Jika saya menerima apa-apa mesej dalam talian yang membuatkan saya rasa terganggu atau takut, saya tidak akan membalasnya. Saya akan memberitahu perkara ini kepada ibu bapa atau guru saya.
YA TIDAK

7. Saya melayan rakan-rakan di Internet dengan hormat dan bersopan dan tidak menghantar mesej yang boleh mengguris hati orang lain.
- YA TIDAK
8. Saya menghantar, membuka dan membaca e-mel daripada kenalan sahaja.
- YA TIDAK
9. Jika saya menerima gambar yang berunsur lucuh atau ganas, saya tidak mengongsinya dengan rakan-rakan saya.
- YA TIDAK
10. Saya tidak membeli barangan di Internet tanpa kebenaran ibu bapa saya.
- YA TIDAK
11. Saya menggunakan nama samaran bila melayari dan bermain di Internet untuk menjaga privasi diri saya.
- YA TIDAK
12. Saya tidak berkongsi gambar-gambar saya di Internet sewenang-wenangnya. Saya pastikan gambar saya diprivasi dan hanya boleh dilihat oleh rakan-rakan saya.
- YA TIDAK

Berapa kali adik jawab YA?

10-12 jawapan positif:

TAHNIAH – adik adalah seorang pengguna Internet yang Bijak. Teruskan usaha adik menggunakan Internet dengan selamat.

7-9 jawapan positif:

Bagus – ini menunjukkan adik tahu tentang penggunaan Internet dengan Bijak. Tapi, luangkan sedikit masa untuk mempelajari lebih mengenainya dan praktikkan selalu.


Kurang dari 7:

Perlu dipertingkatkan. Melayari dan berinteraksi di Internet hanya dapat dimanfaatkan jika adik tahu bagaimana menggunakannya dengan selamat. Tanyalah ibu bapa dan guru adik untuk maklumat lanjut cara-cara menggunakan Internet dengan Bijak.



Silang Kata

- ★ Internet
- ★ Bijak
- ★ SKMM
- ★ Ibumapa
- ★ Cikgu
- ★ Waspada
- ★ Bahaya
- ★ Etika
- ★ Bersosial
- ★ Positif



Saya Berjanji...



- 1 Untuk tidak berkongsi dan mendedahkan segala maklumat peribadi saya tanpa kebenaran ibu bapa/penjaga saya.
- 2 Akan memberitahu ibu bapa/penjaga saya sekiranya terdapat maklumat yang palsu/sumbang/lucah/jelik ketika melayari Internet.
- 3 Tidak akan bersetuju sekiranya rakan maya saya mengajak untuk berjumpa. Sekiranya saya telah mendapat keizinan ibu bapa/penjaga saya, saya akan membawa mereka menemani saya.
- 4 Tidak akan menghantar atau mengepos gambar saya kepada rakan maya sebelum mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga saya.
- 5 Tidak akan melayan mesej atau komen yang negatif terutamanya daripada orang yang tidak dikenali.
- 6 Tidak akan berkongsi kata laluan dengan sesiapa sahaja walaupun dengan sahabat baik saya.
- 7 Akan merujuk dengan ibu bapa/penjaga saya sebelum memuat turun mana-mana program ke dalam komputer.
- 8 Akan berkongsi dan membantu ibu bapa/penjaga memahami kandungan-kandungan yang saya layari.

NAMA: NAMA SAKSI:

TANDATANGAN: TANDATANGAN:

TARIKH: TARIKH:

Tentang Saya



Biodata

Nama:

Umur:

Tarikh lahir:

Tempat lahir:

Alamat:

Nombor telefon:

Emel:

Laman Rangkaian Sosial:

Orang Yang Patut Saya Hubungi Ketika Kecemasan

Rakyat Malaysia kini hanya perlu menghubungi satu nombor kecemasan iaitu 999 untuk mendapatkan bantuan kecemasan membabitkan polis, bomba, hospital dan Jabatan Pertahanan Awam. Panggilan kecemasan 999 adalah percuma. Sebarang panggilan kecemasan akan dijawab dalam masa 10 saat.

Satu Negara Satu Nombor



Nama:

Hubungan:

Nombor telefon:

Nama:

Hubungan:

Nombor telefon:

Nama:

Hubungan:

Nombor telefon: